

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 31 Mei 2020 8:52 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Unggul: Pelajar TISSA Bolot Hadiah Wang Tunai RM1,000




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 MEI 2020 / 8 SYAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Ihsan Muhammad Ariff Haidar

MAHASISWA UNGGUL: PELAJAR TISSA BOLOT HADIAH WANG TUNAI RM1,000



UUM ONLINE: Pengalaman melihat kegigihan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk terus bertahan dalam saat negara berperang dengan pandemik Covid-19 mendorong pelajar tahun dua, Muhammad Ariff Haidar menyertai Mahasiswa Ohsem: Pertandingan Dasar dan Polisi Kepada Kerajaan.

Pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) itu mempertaruhkan kertas kerja bertajuk 'Polisi Pemerkasaan Ekonomi & Industri Kecil dan Sederhana Pasca Covid-19' hingga melayakkan dia mendapat tempat pertama, seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

Muhammad Ariff berkata, tidak terlintas di fikirannya akan menang tempat pertama, sekali gus mengetepikan calon dari universiti lain yang turut menyertai pertandingan tersebut.

"Alhamdulillah, mungkin sudah rezeki saya dan kemenangan ini secara tidak langsung menaikkan semangat dan keyakinan saya untuk mengambil bahagian dalam pertandingan sebegini selepas ini.

"Saya memilih tajuk ini setelah melihat kesungguhan usahawan IKS terutama rakan-rakan ibu yang berusaha mempertahankan perniagaan mereka sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac lalu ekoran Covid-19," katanya.

Muhammad Ariff berkata, penularan wabak tersebut secara tidak langsung telah menjejaskan perniagaan usahawan terlibat untuk meneruskan perniagaan seperti biasa sejak kerajaan melaksanakan arahan itu.

Menurutnya, dari situ, dia terpanggil untuk berkongsi pandangan dan cadangan melalui pertandingan itu dengan harapan adanya sinar baharu untuk usahawan IKS di negara ini sehingga menanti Covid-19 berakhir.

Katanya, polisi itu menyasarkan tiga objektif utama iaitu meningkatkan daya saing dan daya tahan IKS pasca Covid-19, menjamin kebajikan rakyat dan mewujudkan persekitaran galakan ekonomi serta penjagaan kesihatan diri.

"Objektif dasar itu dirangka dengan enam strategi berserta sembilan keluaran utama.

"Saya berharap perkongsian idea ini dapat memberikan inspirasi kepada orang ramai untuk terus bekerja keras demi negara tercinta," katanya dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

Dalam pertandingan itu, setiap peserta termasuk Muhammad Ariff dikehendaki menyediakan kertas kerja dan juga rakaman video berkaitan tajuk.

Mengulas lanjut tentang persediaan menyertai pertandingan itu, pelajar berasal dari Pendang itu berkata, dia mengambil masa selama dua minggu untuk menyiapkan kertas kerja tersebut.

Tambahnya, pertama kali dia menyertai pertandingan sebegini, justeru sudah pasti pelbagai persiapan rapi dilakukan termasuk pencarian maklumat berkaitan tajuk di internet serta rujukan dari buku.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana menerima sokongan padu daripada keluarga, malah mereka juga turut membantu menyalurkan input idea kepada saya bagi melengkapkan kertas kerja ini, seterusnya membantu mempromosikan video saya di media sosial.

"Pertandingan ini sangat menarik dan secara tidak langsung turut memupuk semangat daya saing antara mahasiswa," katanya.



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.